

02/01/1998

Ahli politik disyor terajui langkah pengorbanan

KUALA LUMPUR, Khamis - Ahli politik patut menerajui langkah melaksanakan pengorbanan rakyat yang dicadangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membantu memulihkan semula ekonomi negara.

Antara tindakan utama yang perlu dilaksanakan ialah memulihkan semula keyakinan rakyat dengan memastikan keadaan politik negara terus stabil.

Ketua Eksekutif Institut Pembangunan Minda (Inmind), Aidit Ghazali bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri supaya rakyat berkorban untuk memulihkan ekonomi negara dengan menabung dan melabur tetapi secara bersyarat.

Katanya, di samping meminta rakyat menabung dan melabur dengan keyakinan, ahli politik juga harus membuktikan keyakinan bahawa kestabilan politik mampu dikekalkan.

Menurutnya, ini kerana suasana politik dan keadaan ekonomi negara saling berkait.

"Justeru, ahli politik harus menghentikan pelbagai kenyataan yang bercanggah meskipun kita menyedari demam mengeluarkan kenyataan bercanggah itu dibuat berikutan mesyuarat Umno bahagian dan cawangan yang semakin hampir," katanya.

Aidit berkata, rakyat yang semakin celik akan sentiasa memerhatikan tindakan ahli politik.

Selain itu, Aidit menganggap, rakyat tidak boleh terus berkhayal dengan bercakap mengenai kegemilangan zaman silam.

Dalam perutusan tahun baru semalam, Dr Mahathir meminta rakyat berkorban untuk memulihkan ekonomi yang meruncing sekarang termasuk menabung dan melabur dengan keyakinan walaupun wang yang disimpan susut nilainya jika ringgit terus jatuh.

Pengerusi Majlis Hal Ehwal Agama Pergerakan Pemuda Umno, Ruslan Kassim juga meminta rakyat membantu merealisasikan harapan Perdana Menteri itu dengan mencadangkan supaya golongan yang mampu, membeli saham yang semakin murah selain menabung.

"Saham yang dulunya RM17 dan RM18, kini menjadi beberapa ringgit saja tu, bolehlah dibeli oleh mereka yang menyimpan wang bagi membantu memulihkan ekonomi negara," katanya.

Di TELUK INTAN, Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) berikrar berkhidmat dengan penuh keazaman dan menjaga imej kerjaya itu sebagai sokongan padu kepada kerajaan dalam menghadapi kegawatan ekonomi negara.

Presidennya, Kassim Mohamad, berkata langkah itu sebagai cetusan semangat ahli menjelang Tahun Baru.

Katanya, guru juga terbabit secara langsung dengan masyarakat menerusi penyertaan mereka dalam badan kebajikan.

Menurutnya, guru akan terus memenuhi kehendak negara termasuk mengamalkan langkah berjimat cermat dan menabung untuk memulihkan ekonomi negara.

(END)